

Headline	Usaha merevolusikan pertanian negara	Language	MALAY
Date	14. Oct 2008	Page No	11
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	360 cm²
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	11063.96



Usaha merevolusikan pertanian negara

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

(Yang mengikuti lawatan kerja Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed ke Bangkok baru-baru ini)

HUBUNGAN Malaysia dan Thailand, hakikatnya tidak perlu dipertikaikan lagi kerana ia telah terjalin sejak lama dulu.

Bagi Malaysia, hubungan yang terjalin boleh diumpamakan sebagai 'abang dan adik'. Ini kerana pertalian kedua-dua negera, tidak pernah terputus walaupun diuji dengan pelbagai cabaran dan dugaan.

Misi kerja Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed ke Bangkok baru-baru ini turut menyuarakan nada serupa.

Dalam satu majlis makan malam dengan ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara, beliau membawa hadirin mengenang kembali pertalian erat yang wujud dan secara bersejoroh berkata, keakraban tersebut hingga "ada antara rakyat Malaysia mempunyai satu lagi isteri di Thailand."

Malah katanya, sebaik dilantik menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, negara pertama yang terlintas di fikirannya untuk dilawati ialah Thailand. Ini berikutan Thailand terkenal sebagai salah sebuah negara pengeluar hasil pertanian dan ternakan dunia.

Lawatan kerja menteri bersama beberapa pegawai kanan pertanian bermula dengan meninjau Projek Pertanian Diraja Chitralada yang terletak di dalam kawasan istana Raja Thailand.

Projek Pertanian Diraja Chitralada yang dilaksanakan sejak 1961, adalah hasil keperihatinan pihak istana untuk mengatasi masalah pertanian yang merupakan 'tulang belakang' ekonomi rakyatnya.

Berlandaskan projek yang bukan ber-

orientasikan keuntungan, hari ini, ia muncul sebagai pusat kajian dan penyelidikan utama negara tersebut dalam meningkatkan pengeluaran serta menghasilkan pelbagai produk pertanian hilir menerusi penemuan-penemuan di luar jangka.

Keistimewaan projek ini ialah ia mendapat perhatian terutamanya daripada raja yang sentiasa mahu mengetahui setiap perkembangan yang berlaku.

Aspek menariknya pula, tiada satupun 'sampah' dihasilkan di sini, selain menjadikannya produk negara. Contohnya, jika padi dijadikan makanan, serkannya dijadikan bahan pembakar pengganti arang, malah minyak masak terpakai masih boleh diproses untuk menghasilkan sabun.

Di Malaysia, Kelantan merupakan negeri yang sedang melaksanakan usaha ini dengan turut menamakkannya sebagai projek pertanian diraja.

Menurut Pengarah Pertanian Kelantan, Malha Ghazali, walaupun baru bermula lima tahun lalu, usaha giat dilakukan untuk merealisasikan hasrat Kawasan pertanian di negeri itu dapat benar-benar dimajukan.

Kunjungan delegasi Malaysia menemui Menteri Pertanian dan Kerjasama Thailand, Somsak Prisanananthakul juga membuka lembaran tersendiri apabila kedua-dua negera sepakat untuk menjalin lebih kerjasama lantaran kedua-duanya baru di kementerian masing-masing.

Mustapa dilantik menerajui kementeriannya sejak enam bulan lalu manakala Somsak pula tujuh bulan lalu. Faktor tersebut mungkin menyumbang peranan besar untuk sama-sama memberi penekanan kepada sektor pertanian dan perikanan terutama aspek kepadaran teknologi.

Lawatan turut meninjau kejayaan beberapa syarikat swasta Thailand yang bermula dari kecil-kecilan dan akhirnya menjadi pe-

ngeluar dan pengeksport utama negara itu.

Seperti juga moto rajanya, *Kerja Berterusan*, syarikat-syarikat tersebut bukan sahaja berperanan mengeluarkan hasil pertanian dan ternakan, tetapi juga mengutamakan kajian dari semasa ke semasa.

Contoh kejayaan ini dapat dilihat di Charoen Pokphand (CP) Food Co. Ltd., pengeluar benih udang utama Thailand apabila dapat memperdekkan tempoh matang ternakan itu daripada 120 hari kepada hanya 80 hari.

Pengeluar ayam ketiga terbesarnya pula, Saha Farms Group, berupaya memproses ayam sebanyak satu juta ekor sehari, iaitu sama jumlahnya dengan keupayaan negera kita menghasilkan pengeluaran ayam dalam sehari.

Selain itu, ChokChai Farm, pengeluar hasil tenusu dengan ladang ternakan lembu meliputi kawasan seluas 8,000 hektar, berupaya menghasilkan pelbagai produk daripada susu untuk pasaran tempatan.

Antara yang dipelajari hasil lawatan tersebut ialah, pertanian berskala besar menjadi penyumbang utama kepada faktor kejayaan mereka untuk mucul sebagai pesaing di peringkat antarabangsa.

Hebatnya usahawan-usahawan negara itu ialah mereka tidak bergantung kepada bantuan kerajaan sebaliknya berdikari atas nama persaingan.

Talaad Thai atau Pasar Borong Thai yang beroperasi 24 jam pula adalah pusat menempatkan segala produk pertanian, ternakan dan perikanan yang dihasilkan dari seluruh pelosok negara untuk memudahkan proses jual beli dilakukan dengan lebih sistematik.

Dengan keluasan kira-kira 80 hektar, setiap pasar kecil dikhushuskan kepada produk pertanian tertentu daripada buah-buahan, ternakan, perikanan, bunga-bunga sehingga makanan kering dan

Headline **Usaha merevolusikan pertanian negara**
Date **14. Oct 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**

sebagainya.

Selama tiga hari melawat dan meninjau sendiri perkembangan teknologi dalam bidang pertanian di negara jiran itu, Mustapa dapat menyimpulkan jika ia berjaya diperaktikkan di Malaysia, kedudukan negara akan lebih selamat kerana tidak perlu bergantung lagi kepada 'belas ihsan' negara lain untuk memenuhi keperluan makanan negara.

Untuk menjayakan hasrat ini, kemajuan teknologi memainkan peranan yang amat penting. Kerana itu, lawatan tidak sempurna jika tidak berkunjung ke Universiti Kaset-sart, salah sebuah universiti yang banyak terlibat dengan penghasilan teknologi pertanian di Thailand.

Berdasarkan hubungan baik yang telah lama terjalin, Universiti Kaset-sart bukanlah asing bagi beberapa universiti di Malaysia seperti Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.

Sebagai 'orang baru' di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, lawatan ini dianggap oleh Mustapa sebagai amat berguna kerana banyak perkara dapat dipelajari secara lebih dekat.

Pilihannya melawat Thailand juga tepat kerana selain hubungan diplomatik yang telah lama terjalin, kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan lain terutama dari segi cuaca dan bentuk muka bumi.

Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mengubah sikap sebahagian besar petani Malaysia agar moto "Pertanian Adalah Perniagaan" dapat benar-benar dihayati seterusnya direalisasikan.

Tentunya tugas untuk merevolusikan bidang pertanian negara ini bukannya mudah. Dan bagi Mustapa, ini adalah cabaran terbesarnya ke arah memastikan negara mampu 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah' dengan negara-negara pengeluar pertanian lain di dunia.